

## Tiga RUU diluluskan Dewan Negara

**KUALA LUMPUR** - Dewan Negara semalam meluluskan tiga Rang Undang-undang (RUU) iaitu Rang Undang-Undang Cap Dagangan 2019, Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 dan Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019.

Ketiga-tiga RUU itu dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen.

Chieng Jen berkata, RUU Cap Dagangan 2019 bertujuan membolehkan individu atau syarikat perniagaan mendaftarkan bau, bunyi, bentuk dan warna sebagai cap dagangan berbanding sebelum ini di bawah Akta Cap Dagangan 1976 yang hanya tanda nama tradisional dibenarkan seperti nama, label, tandatangan, perkataan, huruf, angka atau apa-apa gabungannya.

RUU itu juga membolehkan harta intelek digunakan sebagai instrumen kewangan, selain menambah baik prosiding tindakan sivil dan jenayah serta penguatkuasaan yang lebih efektif dengan mewujudkan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan.

Ia juga membolehkan Malaysia memenuhi kewajipannya di bawah Protokol Madrid berkenaan dengan Pendaftaran Antarabangsa bagi cap serta mendapatkan semua kelebihan dan faedah yang diberikan oleh Protokol Madrid.

Mengenai Rang Undang-Undang Perihal Dagangan (Pindaan) 2019 pula yang mencadangkan pemotongan seksyen tertentu dalam Akta Perihal Dagangan 2011 diluluskan tanpa bahas.

Sementara itu, ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019, Chong berkata, ia antaranya bertujuan meningkatkan hukuman terhadap mana-mana orang yang gagal mematuhi award dibuat Tribunal Tuntutan Pengguna. - Bernama